

Ruj. Kami : MQA.100-1/3/2 ( 1 )  
Tarikh : 30 November 2023

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 8/2023**

**PENGGUNAAN EDISI TERKINI GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM (GUIDELINES TO GOOD PRACTICES: PROGRAMME DEVELOPMENT AND DELIVERY, GGP: PDD)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum (Guidelines To Good Practices: Curriculum Design and Delivery, GGP: CDD) yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Surat Makluman MQA Bil. 4/2013 bertarikh 24 Jun 2013.
3. Dokumen ini telah menjadi rujukan dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam mencapai standard yang ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA), Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA) dan Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Open and Distance Learning, COP-ODL).
4. Bagi memastikan kandungan dokumen GGP: CDD adalah komprehensif dan selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi yang dinamik, MQA telah melaksanakan Kajian Semula GGP: CDD berasaskan kepada perkembangan semasa dan input yang diterima daripada pihak berkepentingan.
5. Justeru, selaras dengan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan hasil kajian semula tersebut, MQA turut menambah baik tajuk dokumen daripada Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum kepada **Garis Panduan Amalan Baik: Pembangunan dan Penyampaian Program**



**(Guidelines To Good Practices: Programme Development and Delivery, GGP: PDD).**

6. Dokumen GGP: PDD ini menggariskan amalan-amalan baik dalam bidang pembangunan dan penyampaian program dan mengandungi komponen-komponen berikut:

Section 1: *Introduction*

Section 2: *Statement of Educational Objectives of Academic Programme and Learning Outcomes*

Section 3: *Programme Development: Process, Content, Structure and Teaching-Learning Methods*

Section 4: *Programme Delivery*

7. Dokumen GGP: PDD yang telah ditambah baik ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

8. Pelaksanaan terhadap GGP: PDD **berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini.**

Sekian, terima kasih.

**"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

Edaran untuk tindakan :	
TNC (Akademik & Antarabangsa)	Pro Naib Canselor (Strategi)
TNC (Penyelidikan & Inovasi)	Pro Naib Canselor (Antarabangsa)
Pro Naib Canselor (Antarabangsa)	Pengarah Kerja
TNC (Pembangunan)	Pegawai CICT
Pendaftar	Pegawai Undang-Undang
Pengarah HEK	Pegawai Khas NC
Bendahari	PPK - Pej NC
Ketua Pustakawan	PP - SMO
Pro Naib Canselor (UTMKL)	Dekan

Catatan : *cc. UTM Aca .*

TT:  Tarikh : *4/1/2024*